

05/09/1997

MT arah majlis derma dihenti

Kamal Ahmad; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) Umno mengarahkan semua amalan meminta dan menganjurkan majlis untuk mengutip derma oleh pemimpin Umno di semua peringkat dihentikan serta-merta.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan arahan itu berkata, semua perbelanjaan untuk membiayai sesuatu majlis akan ditanggung oleh Badan Perhubungan Umno Negeri atau peruntukan daripada ibu pejabat parti.

Bulan lalu, beliau berkata kerajaan mengeluarkan satu garis panduan berhubung bentuk cenderahati atau hadiah yang boleh diterima oleh pemimpin politik. Ini untuk mengelakkan sesetengah pihak membuat anggapan kononnya hadiah atau cenderahati itu juagh satu bentuk rasuah.

"Permohonan derma daripada pemimpin Umno ini mesti dihentikan. Demikian juga pergerakan Pemuda, Wanita dan Umno Bahagian tidak boleh mengadakan acara untuk mengutip derma," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di sini, malam ini.

Mesyuarat itu juga bertujuan mengetahui persiapan terakhir sebelum perhimpunan agung Umno bermula esok hingga Ahad ini. Perhimpunan bermula jam 9 pagi apabila Dr Mahathir menyampaikan ucapan dasar dan ditangguhkan jam 3 petang untuk membolehkan perhimpunan khas diadakan bagi menggugurkan perkataan `Baru' dalam Umno.

Katanya, masa yang banyak akan diambil untuk membahaskan ucapan Presiden dan mungkin ada wakil negeri yang tidak tidak dapat membahaskan usul ekonomi dan agama.

"Justeru, jika ada wakil tidak dapat bercakap mengenai usul ekonomi, dia akan diberi peluang bercakap mengenai usul agama dan begitu juga sebaliknya," katanya.

Dr Mahathir juga memaklumkan keputusan MT Umno menyumbang menderma RM100,000 kepada mangsa kebuluran di Korea Utara.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat juga bersetuju mengkaji menerbitkan sebuah akhbar bulanan parti.

(END)